



# **i**Informika

Jurnal Peradaban Informasi Dan Ilmu

**Tema : Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar**

# **Informika**

## **Jilid 2, 2013**

### **Penerbit**

Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

### **Sidang Editor**

Shaharom TM Sulaiman (Ketua)  
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (Timbalan Ketua Editor)

### **Editor Pelaksana**

Mohamad Noorman Masrek  
Siti Arpah Noordin  
Mohd Jailani Paiman  
Husain Hashim  
Hasnah Hashim  
Mohd Sazili Shahibi

### **Editor**

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – Universiti Teknologi MARA  
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – Universiti Teknologi MARA  
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – Universiti Teknologi MARA  
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – Universiti Teknologi MARA  
Prof. Madya Dr. Rusnah Johare – Universiti Teknologi MARA  
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – Universiti Teknologi MARA  
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – Universiti Teknologi MARA

### **Editor Perunding**

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – Universiti Brunei Darussalam  
Prof. Dr. Ding Choo Ming – Universiti Kebangsaan Malaysia  
Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah – Universiti Malaysia Kelantan  
Dr. Roosfa Hashim – Universiti Kebangsaan Malaysia  
Dr. Wan Ali Wan Mamat – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

### **Alamat Penerbit**

Kampus Puncak Perdana,  
40150 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
(Tel.: 03-79622020 Faks.: 03-79622007)

**Harga** : RM 20 (Malaysia)  
          : USD 20 (Luar Negara)

**INFORMIKA**  
**JILID 2, 2013**  
**ISSN 2231-7104**

<b>Bil</b>	<b>Kandungan</b>	<b>M/S</b>
1	Sentuhan Intelektual Membaca Karya-Karya Agung Melayu <i>Ding Choo Ming</i>	1-20
2	Perpustakaan Pembina Tamadun <i>Muhammad Hj. Salleh</i>	21-24
3	Penerbitan Popular dan Penerbitan Ilmiah: Sejauh Mana Membentuk Minat Membaca Masyarakat <i>Zulkarnain Zakaria</i>	25-36
4	Ilmu dan Ilmu Pengetahuan dari Perspektif Islam <i>Norasiah Haji Harun</i>	37-42
5	Peranan Perpustakaan-perpustakaan Luar Bandar dalam Pembentukan Modal Insan yang Bernilai Tinggi <i>Norehan Ahmad dan Haliza Yahaya</i>	43-54
6	Kajian Etnografi Tingkah Laku Maklumat Pesalah Juvana Lelaki di Malaysia <i>Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi, Abrizah Abdullah dan Nur Khairunnisha Zainal</i>	55-68
7	Memaksimumkan Pengguna Pusat Sumber Sekolah (PSS) Sebagai Agen Kecemerlangan Akademik <i>Zailani Shafie, Nor Ezan Omar dan Nor Diana Abd Rahman</i>	69-78
8	Pengabstrakan dan Pengindeksan di Malaysia: Satu Tinjauan <i>Abd Rashid Abd Rahman, Fuziah Mohd Nadzar dan Rosnita Sahrani</i>	79-94
9	Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat di Internet dari Kalangan Generasi Muda Melayu (Pelajar UiTM) <i>Mohd Sazili Shahibi, Mazwani Ayu Mazlan, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah</i>	95-101
<b>ULASAN BUKU</b>		
1	Tokoh- tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	103-104
2	Perpustakaan Digital: Isu dan Cabaran <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	105-106

*Suggested Cataloguing-in-Publication Data*

**Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu**

Vol. 2 (2013) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals. 2. Library Science - Malaysia - Periodicals
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II.Z671

©2013 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

## ILMU DAN ILMU PENGETAHUAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Norasiah Haji Harun

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

Kampus Puncak Perdana, 40150 Shah Alam.

E-mail: [norasiah@salam.uitm.edu.my](mailto:norasiah@salam.uitm.edu.my)

**ABSTRAK** : Artikel ini membincangkan peranan dan kedudukan ilmu pengetahuan dalam tradisi keilmuan Islam. Turut ditampilkan ayat-ayat suci Al-Quran yang berkaitan kelebihan dan keutamaan ilmu pengetahuan.

**Kata kunci**: Ilmu pengetahuan; Keilmuan Islam

Topik berkaitan ilmu dan ilmu pengetahuan, secara automatiknya akan turut juga memperkatakan tentang kebijaksanaan, kearifan, kepandaian dan kepakaran di dalam sesuatu bidang. Ketinggian ilmu seseorang adalah manifestasi kepada kesabaran, kebijaksanaan serta kesungguhan menuntut ilmu yang tidak ada penghujungnya hingga keakhir hayat. Ia juga dapat dilihat sebagai usaha murni untuk meninggikan darjat di kacamata Allah dan masyarakat seperti firmanNya melalui **Al-Mujaadalah (58) ayat 11**: *Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat.*

Allah tidak melihat dan menilai manusia pada rupa dan harta bendanya sahaja. Orang-orang yang sabar, berilmu dan bertaqwa lebih dikasihi Allah walau pun zahirnya miskin harta dunia. Begitu juga dengan perbezaan darjat diantara orang-orang berilmu dengan yang tidak berilmu. Ini jelas di dalam surah **Az-Zumar (39) ayat 9**: *Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.* Sesungguhnya ayat ini memperkukuh ayat sebelum ini yang menyentuh tentang ketinggian darjat golongan manusia yang berilmu di kacamata Allah.

Menuntut ilmu adalah fardu kifayah dan amat dituntut supaya kita tidak berhenti berguru kerana sifat ilmu itu sendiri yang sentiasa berkembang. Usaha menuntut ilmu adalah pelaburan jangka panjang dan sekiranya tidak mampu untuk membeli pelbagai jenis bahan bacaan berpengetahuan di pasaran, alternatifnya adalah mengunjungi perpustakaan-perpustakaan yang merupakan gedung ilmu yang menyimpan pelbagai maklumat dan ilmu, samaada dalam bentuk cetak, elektronik dan juga digital. Tambahan pula kini dengan kepesatan teknologi komunikasi dan dasar langit terbuka, maklumat berada di hujung jari. *World Digital Library* [<http://www.wdl.org>] yang dilancarkan pada April 2009 adalah contoh terbaik bahawa ilmu berada di mana-mana. Namun kita seharusnya bijak memilih maklumat yang bermanfaat dari sumber-sumber yang sahih dan autoritatif.

Ilmu Allah adalah amat luas seperti firmanNya melalui beberapa surah: **Saba (34) ayat 1-2**: *Dialah sahaja yang Maha Bijaksana lagi Maha Mendalam PengetahuanNya. Ia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya, dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepadanya;* **Al-Mukmin (40) ayat 7**: *Wahai Tuhan kami! RahmatMu dan ilmuMu meliputi segala-galanya;* **Al-Baqarah (2) ayat 247**: *Allah Maha luas (rahmatNya) lagi meliputi ilmuNya.* Ketiga-tiga surah ini jelas membawa mesej yang sama iaitu Allah adalah maha mengetahui dan amat mendalam ilmu pengetahuanNya. Allah juga turut menyarankan supaya umatNya tidak lalai di dalam urusan pemcarian ilmu

dan sentiasa berdoa kepadaNya seperti yang diterangkan melalui 2 surah berikut, **Taha (20) ayat 114**: *Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku* dan juga surah **Asy-Syu'aara (26) ayat 83**: *Wahai Tuhanku, berikanlah daku ilmu pengetahuan agama, dan hubungkan daku dengan orang-orang yang soleh.*

Masih banyak ilmu Allah yang belum dapat diterokai oleh akal manusia. Masih terlalu banyak yang perlu diterokai dan dirungkai oleh pemikiran manusia yang ternyata amat terbatas kapasitinya. Masih banyak kerja-kerja penyelidikan dan pemerhatian yang perlu diperluas dan dipertingkatkan. Melalui 4 ayat berikut Allah menggambarkan bahawa tidak ada batas sempadan yang menghadkan ilmu yang boleh dipelajari oleh manusia. Surah **Al-Kahfi (18) ayat 109**: *Katakanlah (wahai Muhammad): Kalau semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku walau pun Kami tambah lagi dengan lautan sebanding dengannya sebagai bantuan*; Surah **Luqman(31) ayat 27**: *Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya 7 lautan lagi nescaya tidak akan habis kalimah-kalimah Allah itu ditulis*; Surah **Al-Baqarah (2) ayat 255**: *Sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari kandungan ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmu dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi*; dan surah **Al-Baqarah (2) ayat 32** juga membawa mesej yang sama: *Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami.....*

Walau setinggi mana tahap keilmuan yang mampu yang dicapai oleh manusia, hakikatnya adalah bahawa tidak ada sesiapa pun yang dapat menandingi ilmu pengetahuan Allah yang menjangkau secara total diantara langit dan bumi dan apa juga yang ada di antara keduanya. Ini jelas didalam surah **At Talaaq (65) ayat 12**: *Dan bahawa sesungguhnya Allah tetap meliputi ilmuNya akan tiap-tiap sesuatu. Diperkuatkan dengan surah **Al-Baqarah (2) ayat 33**: Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahawa Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan.*

Sebahagian dari ilmu pengetahuan dunia dari Allah telah pun dimuatkan di dalam Al-Quran samaada secara terus dan jelas atau secara samar-samar. Lihat 3 ayat yang berikut ini tentang ilmu dari Allah. Dua ayat pertama tentang bagaimana Allah menerangkan penyediaan api biodiesel dari sumber alam semula jadi iaitu daun dan pepohan. Ayat yang ketiga pula tentang astronomi. Surah **Yaasin (36), ayat 80**: *Tuhan yang menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu.* Berikutnya Surah **Al-Waaqi'ah (56) ayat 71-73**: *Akhirnya, tidakkah kamu melihat api yang kamu nyalakan (dengan cara digesek)? Kami jadikan api (yang tercetus dari kayu basah) itu sabagai peringatan dan sebagai benda yang memberi kesenangan kepada orang-orang musafir.*

Manakala pengetahuan tentang astronomi pula melalui surah **Ar-Rad (13) ayat 2**: *Dan ia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya); tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan.* Justeru itu akan kerugian besar sekiranya manusia tidak berilmu dengan segala apa yang terkandung didalam Al-Quran. Allah telah menyatakannya di dalam Al-Quran. Maka terpulanglah kepada manusia untuk menjalankan kajian terperinci dan penyelidikan untuk menafaatkan sumber-sumber ini untuk kegunaan manusia. Contoh-contoh ini adalah sebahagian kecil sahaja. Masih terlalu banyak yang perlu diterokai dan dirungkai melalui kajian saintifik.

Dan demi memastikan kesinambungan proses pembelajaran dan ilmu pengetahuan dikalangan umat manusia, Allah menurunkan ayat berikut, **At-Taubah (9) ayat 122**: *Dan tidaklah (betul dan elok) semuanya keluar pergi berperang; hendaklah keluar sebahagian sahaja supaya orang-orang yang tinggal mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut didalam agama, dan supaya mereka mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali. Mesejnya amat jelas. Bahawa ilmu harus dituntut, diajar, dipraktikkan dan seterusnya diturunkan serta disebar kepada khalayak.*

Menuntut ilmu juga memerlukan kesabaran yang amat tinggi. Untuk mencapai tahap bijaksana itu mungkin memakan masa bertahun-tahun. Seperti yang semua sedia maklum, hirarki ilmu pengetahuan bermula dari data, maklumat, ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan. Untuk mencapai tahap bijaksana, kita perlu melepasi ketiga-tiga tahap ilmu yang terdahulu dan yang lebih penting adalah mempelajari pelbagai ilmu dengan sabar dan mengamalkan apa yang telah dipelajari.

Kita boleh mengambil iktibar tentang fakta ini melalui kisah Nabi Khidhir dan Nabi Musa yang diceritakan oleh Allah melalui Surah **Al-Kahfi (18), ayat 65-82**: *Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba kami yang telah kami kurniakan rahmat dari kami, dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu dari sisi Kami. Nabi Musa berkata: Bolehkah aku mengikutmu dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepada mu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku. Ia menjawab: Sesungguhnya engkau (Wahai Musa) tidak akan bersabar bersamaku.....*

Tabiat suka membaca buku-buku ilmu pengetahuan umum dan juga yang berbentuk ilmiah seharusnya subur dikalangan orang Islam sekiranya mereka berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran. Surah **Al-Qalam (68) ayat 1** ada menyebut: *Demi pena dan apa yang mereka tulis. Tidakkah pena itu kawannya kertas dan kertas itu pula kawannya ilmu pengetahuan? Dan ilmu pengetahuan itu kawannya baca! Membaca adalah satu mekanisme yang sangat berkesan untuk menambah ilmu di dada dan membentuk peribadi Muslim sejati. Seperti yang ditekan oleh Allah melalui firmanNya Surah **Al-Alaq (96) ayat 1, 3-5**: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk); Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya. Konsep baca ini diperkuatkan lagi dengan 2 surah berikut: **Al-Kahfi (18), ayat 27**: Dan baca serta turutlah apa yang diwahyukan kepadamu dari kitab Tuhanmu; dan surah **Al-Ankabut (29) ayat 45**: Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran.*

Budaya baca dan beramal soleh amat jelas hubungkaitnya. Amal yang berkat dan soleh boleh dipupuk melalui pembacaan bahan-bahan yang membentuk minda dan peribadi Muslim sejati. FirmanNya melalui Surah **Al-Ahzaab (33) ayat 34**: *Dan ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca dirumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmah pengetahuan (Hadith-hadith Rasullallah).* Sekiranya masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Islam mengambil berat serta mengamalkan budaya baca seperti yang disarankan didalam Al-Quran, penulis pasti dan yakin bahawa tidak perlu lagi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk meneruskan penganjuran program atau kempen tahunan galakan membaca di kalangan masyarakat.

Ilmu yang disertai dengan ilmu pengetahuan serta beramal dengannya akan menjadi benteng dalam usaha untuk melawan hawa nafsu, kekufuran dan bisikan syaitan. Ilmu pengetahuan juga memperteguhkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, Tuhan yang

Maha Agung dan Maha Esa. Fakta ini diperjelaskan melalui 2 ayat iaitu **Surah Faatir (35) ayat 28** dan Surah **Al-Anbiyaa' (21) ayat 106**: *Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu, dan Sesungguhnya Al-Quran ini mengandungi keterangan-keterangan yang cukup bagi orang-orang yang mengerjakan ibadat kepada Allah dengan berilmu.*

Kekuatan berhujjah didalam perbincangan atau percakapan harian bagi mereka yang berilmu adalah lebih terarah, bernas, berhemah, bersopan dan pastinya didalam lingkaran batas ilmu yang dibenarkan oleh hukum akal dan syarak. Jangan jadi seperti orang-orang Musyrik yang diterangkan oleh Allah di dalam Surah **Al-Baqarah (2) ayat 118**: *Dan (orang-orang Musyrik) yang tidak berilmu pengetahuan berkata "alangkah eloknya kalau Allah berkata-kata dengan kami (mengenai kebenaran Muhammad) atau datang kepada kami sesuatu keterangan mukjizat.....".* Selaras dengan itu Allah juga mengingatkan supaya lebih baik berdiam diri dari mencampuri perkara-perkara yang kita sendiri tidak punya pengetahuan yang mendalam mengenainya. Ini jelas melalui Surah **Al-Israa' (17) ayat 36**: *Dan janganlah engkau mengikuti apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya.....*

Akibat dari dangkalnya ilmu pengetahuan dan tidak berpegang kepada ayat 36 Surah Al-Israa' seperti di atas, maka tidak hairanlah ramai di kalangan umat Islam terutama para remaja yang terikut-terikut meraikan sambutan Hari Valentine yang ternyata adalah hari perayaan penganut Kristian. Sekiranya mereka tahu tentang sejarah Valentine itu sendiri yang sebenarnya adalah untuk memperingati kematian paderi Kristian bernama Valentine, penulis pasti umat Islam akan menolak sepenuhnya bukan sahaja perayaan Valentine tetapi juga perayaan-perayaan lain yang bertentangan dengan roh Islam.

Keberkatan hidup manusia di dunia ini akan terpancar dengan sendirinya apabila mereka mendasari kehidupan dengan ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan penuh barakah. Unsur-unsur kemanusiaan Islam sejati hanya akan lahir dari amalan ilmu pengetahuan yang selaras dengan ajaran dan hukum-hukum Allah. Ilmu juga berupaya membanteras penyakit hati dan jiwa yang menyumbang kepada kekufuran, riya', takabur, sombong dan bakhil. Ilmu juga menjadi garis pemisah diantara manusia dan haiwan. Tindak tanduk dan tutur kata para ilmuan adalah bersandarkan fakta, penyelidikan, kebijaksanaan, kewarasan dan ketaqwaan. Manakala unsur-unsur amarah, biadab, hasad dan emosi menjadi landasan bagi manusia-manusia yang cetak ilmu pengetahuannya.

Ilmu pengetahuan yang dipraktikkan dan dijiwai sepenuhnya didalam kehidupam seharian akan menyerlahkan sifat-sifat terpuji dan mulia dari segi tutur kata, perbuatan, tingkah laku, pemikiran, pergaulan, ibadah dan segala apa juga yang merangkum penghidupan seseorang itu. Sifat keterbukaan, berlapang dada, tidak berputus asa, sabar, tabah, redha, rendah diri, tawaduk, toleransi, berprinsip dan sentiasa menjaga silaturrahim amat terserlah pada diri orang yang berilmu. Dan sebaik-baik manusia adalah mereka yang hidupnya berlandaskan ilmu pengetahuan dari Al-Quran dan Sunnah dan sentiasa berusaha untuk mencurahkan kembali ilmunya kepada masyarakat demi kebaikan sejagat.

Ilmu membentuk pemikiran positif didalam melahirkan peribadi murni. Ilmu pemangkin sahsia rupa dan jati diri mukmin. Mereka yang berilmu dan beramal dengan ilmunya akan terus berada dijalan yang benar dan lurus selagi mereka dapat menangkis bisikan syaitan yang telah berjanji dengan Allah untuk menyesatkan umat Muhammad selama-lamanya. Manusia memperoleh kebaikan yang banyak melalui ilmu sepertimana firmanNya didalam

Surah **Al-Baqarah (2) ayat 269**: *Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan sesiapa yang diberi hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.*

Kebaikan yang lahir dan terpancar dari mereka yang berilmu bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi implikasi dan kesannya melimpah ruah kepada kaum keluarga, jiran tetangga, sahabat handai, masyarakat dan juga negara. Orang-orang berilmu berupaya menjadi contoh tauladan dan ikutan atau ikon kepada masyarakat disekelilingnya. Mereka ini sama-sama berganding bahu membantu kearah kesejahteraan ummah diperingkat nasional dan global. Bayangkan kemakmuran sejagat yang lahir dari para ilmuan yang terus menerus menyumbang buah fikiran dan kepakaran. Tidak hairanlah Allah menjanjikan pahala yang besar untuk golongan ini seperti firmanNya didalam Surah **An-Nisaa' (4) ayat 162**: *Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya diantara mereka ..... mereka itulah yang Kami berikan kepadanya pahala yang besar.* Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Surah **Saba (34) ayat 6**: *Dan sesiapa yang diberi ilmu pengetahuan, mengetahui (dengan yakin bahawa keterangan-keterangan) yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, itulah yang benar serta memimpin kejalan Allah yang Maha Kuasa Lagi Maha Terpuji*

Al-Quran juga ada menyentuh tentang ilmu terlarang dan ilmu ghaib. Allah melarang keras kita mempelajari dan mengamalkan ilmu sihir. Amat jelas keterangan mengenai perkara ini didalam Surah **Al-Baqarah (2) ayat 102**: *Mereka (membelakangkan kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan.....ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dan isterinya.....Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manafaat..... sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik diakhirat.* Dan Allah perkuatkan lagi tentang keburukan ilmu terlarang ini dengan Surah Yunus (10) ayat 77: *.....sedang ahli-ahli sihir itu sudah tetap tidak akan berjaya.*

Ilmu ghaib pula menuntut supaya kita yakin dan beriman dengannya sebagai manifestasi kepada Ad-din. Walaupun ada usaha-usaha pihak barat untuk seolah-olah meramalkan kedatangan kiamat dan kemusnahan dunia seperti filem sains fiksyen 2012 tetapi Allah menegaskan ilmu tentang kiamat hanya ada pada PenciptaNya. Melalui Surah **Fussilat (41) ayat 47** Allah menerangkan: *Kepada (ilmu pengetahuan) Allah jualah terpulang soal mengetahui masa datangnya hari kiamat. Dan demikianlah tiap-tiap apa yang berlaku, sebiji buah (umpamanya) tidak akan keluar dari kelopaknya, dan seorang ibu tidak akan mengandung dan melahirkan anak, melainkan dengan pengetahuan Allah.*

Menyedari kandungan ayat-ayat Al-Quran yang banyak menyentuh tentang ilmu dan ilmu pengetahuan (apa yang dipaparkan di sini hanya sebahagian kecil sahaja), seharusnya kita menambah iltizam untuk terus memelopori bidang keilmuan yang ternyata amat luas dan pelbagai. Teruskan pembelajaran dan perguruan serta memperkasakan bidang penyelidikan seharusnya menjadi misi bagi setiap mukmin untuk memastikan kesinambungan ilmu Allah hingga kesatu masa yang telah ditetapkan olehNya.

Kehidupan ini akan bertambah keberkatannya jika ilmu Al-Quran itu dijadikan pegangan. Surah **Hud (11) ayat 1** menjelaskan: *Al-Quran sebuah kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula isi kandungannya satu persatu. Susunan dan penjelasan itu adalah dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi maha mendalam*

*pengetahuanNya*. Sebagai pelengkap kepada Al-Quran, harus juga disulami dengan ilmu-ilmu dari Sunnah Rasulullah SAW.

Akhir kalam, para ilmuan amnya dan umat Islam khususnya harus berpegang teguh kepada ayat yang dipetik dari Surah **Yusuf (12) ayat 76**: *(Dengan ilmu pengetahuan) Kami tinggikan pangkat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki, dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui.*

## Tokoh-Tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan



**Judul Buku** : Lensa Kacamata  
**Penulis** : Zahidi Dato' Zainol Rashid  
**Penerbit** : Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Kedah)  
**Tahun** : 2012  
**Muka surat** : 556 halaman  
**Pengulas** : Shaharom TM Sulaiman

Dalam tradisi kepustakawanan di Malaysia, amat jarang golongan pustakawan yang menceburi dalam dunia penulisan. Dr. Zahidi Zainol Rashid merupakan antara segelintir pustakawan yang menceburi bidang tersebut. Di tangannya, pernah lahir buku Mahathir Menjulung Martabat Malaysia, Mahathir di Mata Umum, dan Che Det dan Pekan Rabu. Minatnya yang mendalam dalam bidang sejarah khususnya sejarah tokoh menyebabkan beliau memberi tumpuan kepada penulisan bercorak biografi.

Dalam buku Lensa Kacamata, Zahidi telah mencatat sisi-sisi menarik tokoh-tokoh Negara seperti Tunku Abd. Rahman (Perdana Menteri Pertama) berdasarkan sejarah lisan yang tidak ditemui dalam buku-buku sejarah biografi Tunku. Tokoh-tokoh lain yang turut diliputinya ialah seniman Omar Rojik, kisah tragis Tan Sri Abd. Rahman Hashim (mantan Ketua Polis Negara ketiga), Tun Mohamed Zahir Ismail (bekas Yang Di Pertua Dewan Rakyat yang juga seorang sasterawan), Tun Syed Ahmad Syed Mahmood Shahabuddin (Mantan Yang DiPertua Negeri Melaka) kisah cinta penyanyi tahun 1950an Allahyarham R. Azmi.

Zahidi juga menelusuri tokoh-tokoh yang namanya jarang dikenali tetapi memberi sumbangan dalam bidang tertentu dan mencipta nama di peringkat antarabangsa seperti A.B. Ibrahim (Pelukis kelahiran Kedah), Allahyarham Dr. Katni Kamsono Kibat (Ahli akademik terulung dalam bidang kepustakawanan dan pengajian maklumat di Malaysia),


Abd. Halim 'R' (Pejuang sastera tradisi), Haji Mat Lala (Ulama yang seangkatan dengan Tok Kenali).

Dalam buku ini, Zahidi telah memperkasa kisah tokoh-tokoh besar Negara dan dalam masa yang sama memperkenalkan tokoh-tokoh 'kecil' yang banyak berjasa. Antara yang 'besar' dan 'kecil' sebenarnya tiada perbezaan, yang pentingnya perlu banyak kajian dan penulisan tentang tokoh-tokoh tersebut agar masyarakat Malaysia mengenalinya dan sumbangan-sumbangan yang telah diberikan. Bak kata Almarhum Sukarno (Mantan Presiden Indonesia), "Bangsa yang tidak mengenal pemikir (termasuk tokoh-tokoh) bangsanya adalah bangsa yang kerdil". Melalui tokoh-tokoh ini, Zahidi tidak hanya menulis hal-hal 'rasmi' sahaja tetapi turut memuatkan sisi-sisi menarik kemanusiaan dalam kehidupan tokoh-tokoh tersebut.

Dalam buku ini, Zahidi turut melakarkan pengetahuannya yang meluas dalam bidang sains, sejarah, dan kepustakawanan melalui pelbagai tulisan yang menyentuh tersebut. Berdasarkan sejarah tradisi kepustakawan silam khususnya dalam peradaban Islam, para pustakawan adalah seorang ilmuwan kerana terdedah secara langsung dengan dunia ilmu dan perbukuan. Kerana itulah mereka mampu memahami banyak hal berkaitan pelbagai ilmu pengetahuan kerana minat budaya membacanya yang mendalam.

Namun yang menarik dalam buku ini, beliau menceritakan pengalaman kembaranya mengunjungi kampung-kampung buku di Eropah iaitu Hay on-Wye (Wales), Redu (Belgium) dan Breedevort (Belanda). Pengalaman 'memburu' buku di kampung buku tentu sekali pengalaman yang unik dan istimewa berbanding pengalaman 'memburu' barang-barang di shopping mall atau kompleks-kompleks membeli belah mega. Buku ini sewajarnya dimiliki oleh perpustakaan-perpustakaan di Malaysia kerana ianya di tulis oleh seorang pustakawan yang memberi sumbangan bermakna dalam bidang penulisan.

## Perpustakaan Digital : Isu dan Cabaran



- Judul Buku** : Digital Libraries: Issues and Challenges  
**Penyelenggara** : Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mustaffa Darimi, Mohd. Zaihan Hussin, Gopi Ghantan Mylvганam  
**Penerbit** : UiTM Publication Centre  
**Tahun** : 2011  
**Muka surat** : 105 halaman  
**Pengulas** : Shahrarom TM Sulaiman

Banyak nama telah diberikan kepada perpustakaan dalam Abad ke 21. Antaranya; perpustakaan elektronik, perpustakaan maya, perpustakaan digital dan perpustakaan 'tanpa dinding'. Walau apa pun nama yang diberikan, sedikit sebanyak ada perbezaannya tetapi begitu kecil sehingga penggunaan mana-mana istilah sekalipun boleh membayangkan perkara yang sama. Namun, yang jelasnya perpustakaan-perpustakaan tersebut amat diwarnai oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih.

Koleksi perpustakaan tentu sekali berorientasikan digital, dan organisasi maklumatnya menggabungkan penggunaan alat-alat elektronik, sumber-sumber maya, pangkalan data dalam talian dan perkhidmatan perpustakaan juga semakin canggih, mudah dan segera. Pokoknya, perpustakaan telah memberi keselesaan kepada penggunanya.

Dari segi konsepnya, hampir semua perpustakaan di Malaysia telah pun menuju ke arah digital bergantung pada tahap perlaksanaannya sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya. Kehadiran internet telah menyemarakkan lagi fungsi perpustakaan digital.

Di Malaysia, tidak banyak penulisan tentang perpustakaan digital, maya, elektronik dan semacamnya diabadikan dalam bentuk penerbitan buku. Kehadiran buku ini telah memberi sumbangan yang amat bermakna kepada pemahaman pelaksanaan, cabaran dan isu-isu yang berkaitan perpustakaan digital di Malaysia. Tulisan-tulisan ini bukan bersifat teori dan konseptual semata tetapi turut memuatkan kajian-kajian yang telah dibuat di beberapa perpustakaan di Malaysia.

Bagi para pengurus maklumat, pustakawan dan pekerja-pekerja 'maklumat', buku ini perlu dimiliki dan menjadi bahan bacaan yang amat berguna dalam bidang kerjaya yang diceburinya.